

Persepsi Pelajar Tahun Akhir Aliran Teknikal Terhadap Penilaian Berterusan Untuk Matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik Di Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Rosni Zamudin Shah Sidek & Ahmad Saiful Redza Ahmad Azman
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap penilaian berterusan di Jabatan Teknikal Fakulti Pendidikan yang melibatkan pelajar – pelajar tahun akhir yang pernah mengambil matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik. Seramai 83 orang responden yang terlibat dalam kajian ini dipilih secara rawak. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data analisis dengan menggunakan bantuan program aplikasi komputer *Statistical Program For Social Science* atau SPSS 12.0 for Windows. Elemen yang diambil kira adalah teknik pembelajaran, motivasi pelajar dan pandangan pelajar terhadap penilaian berterusan. Penganalisan dibuat secara kaedah statistik deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan dari penyelidikan ini menunjukkan bahawa aspek kaedah pembelajaran, motivasi dan pandangan pelajar mempunyai perhubungan yang signifikan dengan peperiksaan akhir. Dapatan ini penting kepada pihak universiti dan fakulti sendiri dalam membuat perancangan strategik dalam mengkaji semula sistem peperiksaan di universiti.

Katakunci : penilaian berterusan, pneumatik dan hidraulik

Pengenalan

Setiap masyarakat di dunia menyedari kepentingan pendidikan. Sejarah membuktikan sejak zaman dahulu lagi para ibu bapa, pendidik dan ahli psikologi sentiasa melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai disiplin pembelajaran. Pelbagai agama yang menjadi anutan masyarakat di dunia, khasnya agama Islam amat mementingkan pendidikan. Agama Islam mengingatkan umatnya berkenaan kepentingan penyelidikan. Pendidikan perlu dimulakan seawal usia kanak-kanak atau bayi yang masih dalam kandungan. Dalam agama Islam menuntut ilmu merupakan satu perkara yang sangat dituntut sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud :

“Menuntut ilmu itu wajib ke atas muslimin dan muslimat”

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah)

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) mengungkapkan, Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha yang berterusan kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Selain itu, dalam sistem pendidikan di Malaysia, peperiksaan adalah penting bagi menentukan sama ada seseorang itu telah memahami sesuatu kedudukan pelajar dari masa ke

semasa. Peperiksaan juga menentukan tahap penguasaan sesuatu ilmu yang dipelajari oleh seseorang. Di Malaysia, sistem peperiksaan kebangsaan bermula dari Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sistem peperiksaan akhir juga telah dipraktikkan di universiti - universiti di Malaysia. Kebaikan yang diperoleh daripada peperiksaan bertulis adalah dapat menempatkan pelajar kepada aliran – aliran yang berbeza seterusnya dapat memilih pelajar untuk pendidikan khas atau lanjutan. Penilaian melalui peperiksaan juga menganugerahkan pensijilan kepada pelajar yang menduduki sesuatu khusus.

Namun begitu, sistem penilaian pada masa kini telah pun berubah dari masa ke semasa. Sistem pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi misalnya, sebelum ni, penilaian dibuat berdasarkan peperiksaan yang dibuat pada akhir tahun. Namun begitu, apabila sistem semester mula diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi, sistem penilaian juga memberi kesan apabila pihak universiti telahpun mengambil 60 peratus dari pada keseluruhan penilaian menjadi penilaian berterusan dan 40 peratus sahaja diambil sebagai peperiksaan akhir.

Kesimpulannya, gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan keputusan seseorang pelajar dalam sesuatu pelajaran yang diambil. Penilaian berterusan dapat menggantikan ujian akhir kerana penilaian berterusan sangat bernilai dalam diagnosis bakat dan kebolehan seseorang individu. Pensyarah mestilah mendapat ukuran tentang kebolehan ilmiah, pencapaian, minat dan pesonaliti supaya proses bimbingan akan mencapai kejayaan yang tinggi. Penilaian berterusan akan menghasilkan maklumat yang penting untuk membantu pelajar mempertingkatkan usaha mereka dalam memperolehi keputusan yang lebih cemerlang.

Pernyataan Masalah

Gaya pembelajaran harus sesuai dan tepat bagi memenuhi kehendak pelajar dan grid ujian atau peperiksaan. Sesuatu aktiviti pembelajaran yang berjaya bergantung kepada kesediaan pelajar memilih operasi yang wajar, mengekalkan pengeluaran operasi tersebut dan mengeluarkan sejumlah usaha ke arah matlamat yang dikehendaki (Mohd Daud Hamzah, 1990). Namun begitu, pengkaji ingin mendapatkan perspektif pelajar terhadap penilaian berterusan yang mampu membuktikan prestasi seseorang pelajar .

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenalpasti amalan pengurusan masa pembelajaran dikalangan pelajar yang mengambil matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik
- ii. Mengenalpasti kaedah pembelajaran dikalangan pelajar yang mengambil matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik
- iii. Mengenalpasti kaedah penyiapan tugas pelajar untuk matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik.
- iv. Mengenalpasti tahap motivasi pelajar dalam menghadapi penilaian berterusan bagi matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik.
- v. Mengenalpasti pandangan pelajar terhadap pensyarah yang memberikan gred kepada mereka.
- vi. Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap penilaian berterusan dalam matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian akan dapat memberi manfaat menyeluruh kepada golongan :

- i. Pelajar supaya mereka dapat mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai dan terbaik bagi mencapai kejayaan .
- ii. Pelajar supaya mereka menyedari bahawa penilaian berterusan lebih baik daripada peperiksaan akhir
- iii. Pensyarah dapat menukar kaedah mengajar untuk menjadikan pengajarannya lebih menarik dan tidak berat sebelah.
- iv. Pensyarah dapat menerapkan segala ilmu kepada pelajar supaya proses pembelajaran sepanjang hayat dapat diterapkan .
- v. Pihak Fakulti dapat mengkaji semula sistem peperiksaan yang sedia ada .

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan. Menurut Mohd Majid (1994), menyatakan bahawa kaedah deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku. Kaedah ini dipilih kerana data hanya diambil dalam satu masa tertentu sahaja (Mohammad Najib, 1999). Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat sampel kajian. Kajian reka bentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku (Majid,1994).

Dalam kajian ini, gaya pembelajaran dan persepsi pelajar Tahun Akhir Jabatan Teknik dan Kejuruteraan dari pelbagai aspek penilaian berdasarkan beberapa persoalan kajian akan dikaji. Hasil daripada kajian ini, diharap penyelidik dapat mengenalpasti persepsi terhadap pembentukan penilaian berterusan yang akan diperkenalkan di Fakulti Pendidikan .

Sampel Kajian

Jadual 1 : Taburan Responden Kajian Mengikut Pengkhususan dan Jantina

Kursus	Bil	Lelaki	Wanita	Jumlah
Kejuruteraan Awam	32	4	17	21
Kejuruteraan Elektrik	33	8	22	30
Kejuruteraan Mekanikal	13	9	4	13
Kemahiran Hidup	59	7	12	19
Jumlah	137	26	57	83

Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar tahun empat Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam, Elektrik, Mekanikal Dan Kemahiran Hidup), di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Responden adalah pelajar yang telah mengambil matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik. Jumlah populasi adalah seramai 137 orang. Pengkaji mengambil seramai 83 orang pelajar sebagai responden. Jumlah responden yang diambil adalah sesuai mengikut jadual persampelan Krejch Dan Morgan(1970). Responden

terdiri daripada 24 pelajar lelaki dan 59 pelajar perempuan . Taburan responden mengikut kursus dan jantina adalah dinyatakan dalam jadual 1 di bawah.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan kerana mengikut Majid Konting (1993 : 202), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan faktor-fakta kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Sekiranya kaedah persampelan digunakan untuk mengkaji populasi, soal selidik dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistic sampel untuk menilai parameter populasi. Seterusnya penggunaan saiz sample yang besar mengurangkan ralat persampelan.

Selain itu, menurut Ee Ah Meng (1989), soal selidik mempunyai kebaikan berikut:

- i. Boleh digunakan dalam satu kumpulan yang ramai dan maklumat dari mereka boleh dikutip sekaligus .
- ii. Banyak masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan .
- iii. Tidak memerlukan ramai kakitangan untuk mengendalikannya .
- iv. Soal selidik boleh dicuba terlebih dahulu untuk menentukan samada pelajar atau responden dapat menjawab dengan senang .

Ahmad Mahdzan (1995), berpendapat bahawa cara pengumpulan data cara ini adalah terkawal mutu data yang diperolehi serta data mudah diproses khasnya dengan bantuan komputer .Selain daripada itu menurut Lawe (1970), soal selidik adalah satu alat yang lazim digunakan dalam kajian yang berbentuk tinjauan. Berdasarkan kepada kebaikan tersebut, maka pengkaji memilih soal selidik sebagai alat dan bahan kajian untuk mendapat maklumat atau data.

Kaedah soal selidik lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Di samping itu, mereka tidak rasa malu untuk memberi jawapan kerana nama responden tidak perlu ditulis di dalam soal selidik dengan ini, bilangan responden yang banyak boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Item-item yang terdapat dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian . Skala yang digunakan ialah Skala Likert untuk mengukur pengetahuan dan pandangan responden terhadap sesuatu kenyataan.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mengesan beberapa kelemahan item dalam soal selidik seperti :

- i. Item-item yang sukar di fahami atau kurang jelas.
- ii. Kenyataan kabur yang boleh menimbulkan takrifan yang berlainan pada responden.
- iii. Tempoh masa yang di ambil oleh responden dalam menjawab soal selidik.

Dapatan yang diperolehi dari kajian ini dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item. Kajian rintis ini telah dijalankan di Fakulti Pendidikan, yang melibatkan 10 orang pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Pengkaji telah

mendapatkan keesahan item soal selidik daripada pensyarah di Fakulti Pendidikan sebagai melengkapkan proses pembinaan item .

Analisis Data

Adakah pelajar bersedia untuk menerima perubahan dari sistem peperiksaan akhir kepada penilaian berterusan?

Jadual 2 : Min dan bilangan (peratus) responden bagi item-item perspektif pelajar pada penilaian berterusan.

Item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	
26	Kandungan matapelajaran APH terlalu membebankan dan tidak sesuai dengan jam kredit mata pelajar tersebut	10	12.0	21	25.3	52	62.7	3.89
27	Peperiksaan akhir secara subjektif untuk APH terlalu membebankan saya	33	39.8	16	19.3	34	41.0	3.13
28	Sekiranya peperiksaan secara bertulis APH tidak diambil kira, gred saya akan menjadi lebih baik	16	19.3	24	28.9	43	51.8	3.55
29	Penilaian berterusan sebanyak 70 peratus untuk matapelajaran APH adalah tidak relevan dengan segala tugas yang diberikan	5	6.0	21	25.3	57	68.7	4.01
30	Penilaian untuk matapelajara APH adalah lebih baik ditumpukan 100% pada penilaian secara berterusan tanpa ada peperiksaan akhir secara subjektif	24	28.9	15	18.1	44	53.0	3.51
Purata			21.2		23.4		55.4	3.68

Jadual 2 di atas menunjukkan kesediaan pelajar tahun akhir terhadap penilaian berterusan. Min keseluruhan ialah 3.68, satu nilai yang positif. Ini bermaksud kebanyakan responden ada yang sudah bersedia menerima penilaian untuk matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik adalah berdasarkan penilaian berterusan tanpa ada sebarang peperiksaan bertulis manakala ada yang tidak. Ia diperkukuhkan lagi dengan purata bilangan dan peratusan yang menyatakan setuju seramai 55.4% responden. Manakala 21.2% menyatakan tidak setuju dan selebihnya seramai 23.4% responden menyatakan tidak pasti .

Analisis bagi item 26 memperlihatkan responden yang setuju dengan pernyataan tersebut ialah seramai 62.7%. Responden tidak setuju pula seramai 12%. Manakala responden yang tidak pasti pula seramai 25.3%. Min yang diperolehi adalah 3.89. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir menganggap bahawa kandungan matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik tidak membebankan.

Analisis bagi item 27 memperlihatkan responden yang setuju dengan pernyataan tersebut ialah seramai 41.0%. Responden yang tidak setuju pula seramai 39.8%. Manakala responden

yang tidak pasti ialah seramai 19.3%. Min yang diperolehi adalah 3.13. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir JPTK tidak menganggap bahawa peperiksaan akhir Asas Pneumatik Dan Hidraulik membebankan mereka.

Analisis bagi item 28 menunjukkan bahawa responden yang setuju dengan pernyataan tersebut ialah seramai 51.8%, hampir menyamai responden yang tidak setuju iaitu seramai 19.3%. Manakala responden yang tidak pasti seramai 28.9%. Min yang diperolehi adalah 3.55. Ini memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir JPTK menganggap bahawa tanpa peperiksaan akhir, keputusan mereka akan menjadi lebih baik.

Analisis bagi item 29 menunjukkan responden yang setuju seramai 68.7%. Responden yang tidak setuju adalah seramai 6%. Manakala responden yang tidak pasti adalah seramai 25.3%. Min yang diperolehi adalah 4.01. Daripada bilangan dan peratusan ini menunjukkan bahawa sebilangan daripada responden beranggapan bahawa penilaian yang diberikan sebanyak 70% sebagai markah pembawa sebelum peperiksaan akhir adalah tidak relevan dengan kerja-kerja yang mereka lakukan.

Analisis bagi item 30 menunjukkan responden yang setuju seramai 53.0%. Responden yang tidak setuju seramai 28.9%. Manakala responden yang tidak pasti adalah seramai 18.1%. Min yang diperolehi adalah 3.51. Ini menunjukkan pelajar-pelajar tahun akhir bersetuju bahawa matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik adalah lebih baik sekiranya dilakukan tanpa peperiksaan akhir .

Perbincangan Kajian

Berdasar kepada analisis terhadap aspek ini terdapat 5 item soalan iaitu item 21, 22, 23, 24, dan 25 dapat memberikan gambaran terhadap sejauh manakah keadilan yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar. Aspek-aspek yang dilihat adalah kepuasan pelajar terhadap pensyarah pada markah akhir yang diberikan, sikap pilih kasih dikalangan pensyarah dan kesan Hola yang di amalkan oleh pensyarah . Aspek-aspek yang dinyatakan ini adalah sebahagian daripada perspektif pelajar terhadap pensyarah.

Hasil dapatan ini menunjukkan pandangan pelajar pada penilaian yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar adalah positif (tahap nilai dilakukan mengikut seperti jadual 3.7.2.). Terdapat beberapa sebab yang boleh dibincangkan hasil daripada maklum balas yang positif ini . Kebolehpercayaan pelajar kepada pensyarah juga bergantung kepada pengetahuan dalam matapelajaran yang diajar, teknik penyampaian yang berkesan, dan sahsiah seseorang pengajar . Sekiranya faktor – faktor tersebut tidak di miliki oleh seseorang pensyarah, maka pandangan pelajar terhadap penilaian yang diberikan adalah negatif .

Hasil dapatan ini menunjukkan pandangan pelajar pada penilaian yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar adalah positif (tahap nilai dilakukan mengikut seperti jadual 3.7.2.). Terdapat beberapa sebab yang boleh dibincangkan hasil daripada maklum balas yang positif ini . Kebolehpercayaan pelajar kepada pensyarah juga bergantung kepada pengetahuan dalam matapelajaran yang diajar, teknik penyampaian yang berkesan, dan sahsiah seseorang pengajar . Sekiranya faktor – faktor tersebut tidak di miliki oleh seseorang pensyarah, maka pandangan pelajar terhadap penilaian yang diberikan adalah negatif .

Pengajar yang berkesan atau sebaliknya adalah disebabkan oleh sahsiah yang baik atau sebaliknya kerap kali akan menentukan bukan sahaja kursus yang diajarnya tetapi mempunyai kesan yang berlanjutan seperti perspektif pelajar terhadap pensyarah akan menjadi negatif dalam segala aspek termasuklah kepada aspek penilaian yang diberikan pensyarah kepada pelajar . Pengajar yang negatif akan menyebabkan pelajar tidak akan berpuas hati dengan penilaian yang

diperolehnya kerana pelajar akan menyalahkan pensyarah yang memberikan pengajaran yang tidak berkesan. Ini bertepatan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh Gowan (1957) yang memunjukkan ciri – ciri sahsiah yang terdapat pada pengajar yang berkesan. Pertama, adalah menanamkan sikap rajin dengan pelajar – pelajar dan mengikuti turun dan naiknya prestasi mereka . Kedua adalah mempunyai sifat mempercayai orang lain dan tidak menaruh perasaan syak wasangka terhadap orang lain dan yang terakhir adalah mempunyai sifat peramah dan mesra dalam perhubungannya dengan pelajar .

Ramai pelajar yang telah berpuas hati dengan pensyarah yang memberikan mereka markah dalam matapelajaran Asas Pneumatik Dan Hidraulik . Faktor – faktor pilih kasih atau kesan hola tidak akan wujud sekiranya penilaian berterusan dibangunkan dan peperiksaan akhir di mansuhkan . Daripada maklumbalas yang positif ini seharusnya memberi kesan yang baik terhadap pencapaian yang lebih cemerlang dalam kepada pelajar .

Rujukan

- Archer, J. Dan McCarthy B. (1988). Personal Biased In Student Assesment. “Educational Reseach”, 30(2), 142 – 5
- Airasian, D. (200). “Evaluation ans assessing For Learning”. London: Kogan Page Bahagian Kurikulum Teknik dan Vokasional (1997). Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Birenbaum, M. (1996). ”Alternatives In Assesment Of Achievement, Learning Process And Prior Knowledge”. Boston, M.A: Kluwer Academic Publisher.
- Ee Ah Meng. (1999). “Pedagogi II, Perlaksanaan Pengajaran”. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Groulund, N.E. dan Lynn, R.L (1990). “Measurement and Evaluation In Teaching”. New York: Macmillan
- Hassan Hj.Mohd.Ali (1996). Strategi Belajar Yang Berkesan.Kuala Lumpur.Utusan Publication Distributurers.
- Knight, P. (1995). ”Assesment For Learning In Higher Education”. London: Kogan Page, SEDA.
- Lennon, J. (1983). “The Writing Process: A Concise Rhetoric”.Boston: Library Sdn. Bhd.
- Maddox, Harry (1970). “How To Study”. London: Pan Books Limited. Mayo Foudation For Medical Education And Research . “The Problem In Education”. New York, AS 1297.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1987), Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
- Reid,K; Hopkins,D.& Holly,P.(1987).” Towards The Effective School”.Great Britain: Oxford Publishing Services.
- Salihan Sialis (1991). “Teknik Belajar Berkesan”. Penerbitan Siri Maju. Kuala Lumpur.
- Wiggin E. (1990) ”Effective Teaching And Learning”. New York: Gordon And Breach.
- Zainal Aripin Zakaria (1981). ”Peranan Dan Tanggungjawab Pensyarah.” Universiti Teknologi Malaysia.